



SULTANAH Johor menyerahkan surat pelantikan Raja Zarith Sofiah sebagai Pro-Canselor UTM yang baru pada majlis Konvokesyen ke-30 UTM Skudai, semalam. - Gambar oleh Roslan Khamis

Raja Zarith BTM 16/3/03 Sofiah dilantik Pro-Canselor UTM baru

JOHOR BAHRU: Raja Zarith Sofiah secara rasmi dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang baru pada Majlis Konvokesyen kali ke-30 UTM Skudai di sini, semalam.

Sultanah Johor, Sultanah Zanariah Tunku Ahmad berkenan menyerahkan surat pelantikan kepada Raja Zarith Sofiah pada majlis penuh istiadat selepas Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali membuat pengisytiharan itu.

Raja Zarith Sofiah menggantikan Tun Dr Mohamed Zahir Ismail yang melepaskan jawatan itu mulai 22 Ogos tahun lalu.

Dilahirkan 14 Ogos 1959, Raja Zarith Sofiah ialah puteri ketiga dan anakanda ketujuh kepada Sultan Idris Shah.

Beliau menerima pendidikan awal pada peringkat tadika dan sekolah rendah di tempat kelahirannya di Perak.

Seterusnya pada usia 13 tahun beliau berangkat ke England bagi meneruskan pengajian di Kolej Wanita Cheltenham Gloucestershire. Beliau juga pernah menuntut di Davies College, London dan menduduki peperiksaan Oxbridge pada 1978.

Pada 1979 Raja Zarith Sofiah diterima melanjutkan pengajian di Somerville College, di Oxford University dan pada 1983 menamatkan pengajiannya dengan Ijazah Kepujian dalam pengajian bahasa Cina.

Raja Zarith Sofiah amat meminati bidang pengajian bahasa dan selain daripada bahasa Cina, beliau boleh bertutur dalam bahasa Perancis dan Itali. Seperti ayahandanya, Raja Zarith Sofiah minat bidang lukisan dan penulisan.

Beliau sudah menulis empat buku berbahasa Melayu kanak-kanak dan pernah dianugerah penulis buku terbaik kanak-kanak anjuran Kementerian Pendidikan. Beliau kini ialah penyumbang tetap kepada kolom bahasa Inggeris di akhbar *The New Straits Times*.

Beliau juga aktif dalam kerja amal termasuk bertindak sebagai Timbalan Presiden Majlis Wanita Johor (Mawar) dan Presiden Persatuan Pandu Puteri Negeri Johor.

Raja Zarith Sofiah melangsungkan perkahwinan dengan Tunku Mahkota Johor pada September 1983 dan dikurniakan lima cahaya mata iaitu empat putera dan seorang puteri.